

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH
[SETIU]**

TARIKH : 8 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta PERDANA MENTERI menyatakan status kajian daya maju dan kebolehsanaannya yang lebih terperinci (kajian dijangka siap pada akhir Januari 2014) ke atas cadangan projek laluan rel Pantai Timur bagi menghubungkan Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi di wilayah berkenaan. Jika kajian telah siap minta dinyatakan anggaran kos dan jadual pelaksanaannya.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah mengenalpasti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sebagai salah satu projek infrastruktur penting di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan menghubungkan Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu dan dijangka menjadi pemangkin untuk mempercepatkan pembangunan industri di ECER.

Berkenaan cadangan membangunkan Projek ECRL, pihak ECERDC, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) kini sedang dalam proses memperhalusi kajian bagi menentukan kebolehlaksanaan kewangan (*financial feasibility*) dan impak perlaksanaan berkenaan projek tersebut, sebelum ia dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.